

4 hilang di perairan Kudat

➔ Bot gentian dinaiki mangsa gagal dikesan hingga kini

Oleh Dewiana Tinggolongon

bhnews@bh.com.my

► **Kudat**

Sebuah bot yang membawa empat penumpang termasuk tiga pelancong asing yang dalam perjalanan dari Pulau Balambangan ke Simpang Mengayau dilaporkan hilang di perairan Kudat di sini, kelmarin.

Tiga pelancong terbabit, masing-masing dua warga Sepanyol dan seorang dari China serta seorang rakyat tempatan dilaporkan hilang ketika dalam perjalanan pulang dari Kampung Batu Sireh, Pulau Balambangan di Banggi ke Simpang Mengayau, lewat petang kelmarin.

Mereka adalah David Hernandez Gasulla dan Martha Miguel

(Sepanyol) kedua-duanya berusia 30 tahun; warga China, Lam Wai Yin, 45, dan rakyat tempatan dikenali sebagai Ella, 23.

Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zubil Mat Som, berkata laporan kehilangan empat individu terbabit dibuat oleh pemilik bot selepas mereka tidak tiba di Simpang Mengayau sehingga pagi semalam, selain gagal dihubungi.

Gagal dihubungi

Beliau berkata, empat individu berkenaan masing-masing dua lelaki dan dua perempuan itu bertolak dari Kampung Batu Sireh pada jam 5.30 petang menaiki sebuah bot gentian sepatutnya tiba di Simpang Mengayau pada jam 8 ma-

lam.

Bagaimanapun, mereka gagal dihubungi menyebabkan pemilik bot membuat laporan polis dan menghubungi pihak berkuasa.

“Sehubungan itu, kami melancarkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) bermula pada jam 2.20 petang tadi (semalam),” katanya ketika dihu-

bungi, di sini, semalam.

Mohd Zubil berkata, operasi SAR membabitkan tiga bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Daerah Maritim Kudat bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin (PPM).

Cuaca buruk

“Pihak berkuasa turut menggunakan kelengkapan radar APMM yang berpusat di Pulau Balambangan dalam usaha mengesan bot berkenaan.

“Kami tidak menolak kemungkinan bot berkenaan mengalami kerosakan disebabkan keadaan cuaca buruk dan laut bergelora,” katanya.

Difahamkan, sebuah pesawat disewa khas pemilik resort Tommy's Place di Tanjung Simpang Mengayau, menemui bot dipercayai dinaiki empat pelancong terbabit sebelum melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Berikutan itu, beberapa bot pasukan keselamatan yang terbabit dalam operasi SAR bergerak ke lokasi berkenaan, pada jam 8 malam dengan keadaan empat mangsa belum dapat dipastikan.

Headline	4 hilang di perairan Kudat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	25	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	478 cm ²
Journalist	Dewiana Tinggolongon	AdValue	RM 16,477
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,431



Anggota APMM Daerah Maritim Kudat menjalankan operasi mencari dan menyelamat empat pelancong yang hilang di perairan Kudat, semalam.

Fakta nombor

3 BOT

terbabit dalam operasi mencari dan menyelamat

3 PELANCONG

masing-masing dua warga Sepanyol dan seorang dari China dilaporkan hilang